

25 MAY 2000

SULTAN JOHOR UCAP TERIMA KASIH KEPADA RAKYAT

JOHOR BAHRU, 25 Mei (Bernama) -- Sultan Johor, yang sedang menerima rawatan di Puteri Specialist Hospital di sini, mengucapkan terima kasih kepada rakyat jelata kerana keperihatinan mereka dan mendoakan kesihatan serta kesejahteraan baginda.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Istana Besar Johor hari ini juga menyatakan bahawa baginda kini beransur sihat setelah menjalani pembedahan kecil kelenjar prostat pada 12 Mei lepas.

Baginda telah dinasihatkan oleh pakar-pakar perubatan supaya terus berehat di hospital berkenaan.

Sultan Johor telah dimasukkan ke hospital berkenaan sehari sebelum pembedahan itu dilakukan.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melawat baginda manakala Isnin lepas, baginda menerima kunjungan Sultan Brunei.

-- BERNAMA

BH NMO